

Karya 'Apung' menjulang nama UMS

UB 26.10.2014 B5

KARYA tari 'Apung' hasil ciptaan tokoh tari juga Felo di Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah Suhaimi Magi telah berjaya mengangkat nama Universiti Malaysia Sabah dan Malaysia di festival Tari Jogja dan Jakarta Indonesia pada 27 September hingga 7 October yang lalu.

Apa yang lebih menarik karya itu merupakan wakil tunggal Negara yang juga diikuti berbagai Negara seperti Jepun, Korea, Spanyol, Canada dan pastinya tuan rumah Indonesia. Persembahan 30 minit itu dijayakan oleh lima orang penari yang terdiri para pelajar tari program seni kreatif Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan Universiti Malaysia Sabah.

Menurut sumber dari Jogjakarta dan Jakarta, penampilan para penari UMS sangat berjaya dan memukau penonton awam

dan para penganjur seni di kedua lokasi. Menurut mereka karya Apung sangat kontemporari yang masih kental rasa tradisi Sabahnya. Gaya dan teknik gerak serta muzik yang di gabungkan sangat memberikan kesan penyatuan di antara gerak dan muzik pengiringnya. Lebih menarik kostum yang digunakan tidak hanya meminjam pakaian tradisi Sabah secara mentah, tetapi di cipta dan di oleh sesuai keperluan ciptaan karya tarinya yang sangat bercirikan ke Sabahan. Hampir semua negara yang tampil di festival tersebut merupakan karya-karya besar yang di cipta oleh para tokoh dan seniman terkenal dari berbagai Negara.

Jepun merupakan Negara kedua yang menghantar 7 kumpulan selain Indonesia selaku tuan rumah telah menampilkan belasan karya yang sangat menarik. Sumber kami dari kedua lokasi menyatakan mereka sangat terkejut dengan gaya persembahan yang di

tampilkan oleh wakil UMS dan Malaysia tersebut kerana di luar kebiasannya.

Menurut mereka kebiasannya penampilan dari wakil Malaysia akan bersandarkan kemelayuan dan penuh dengan pakaian tradisi seperti songkok, songket dan lainnya yang sangat mudah menerkanya. Namun penampilan dari UMS telah membuka mata penonton seni di kedua lokasi akan kreativiti yang sangat menarik dan membuka mata seniman besar dari Sabah yang begitu unik karya seninya yang perlu mereka kagumi. Sebagai sebahagian warganegara Malaysia yang berasal dari Sabah saya ikut merasakan kekaguman tersebut dan syabas UMS.

Saya sempat bertemu dan bertemuramah dengan Suhaimi Magi dan bertanyakan lansung akan perjalanan festival selama 10 hari itu. Menurut beliau festival berkenaan sangat-sangat berkesan tidak sahaja

kepada masyarakat seni yang ada di Jogjakarta dan Jakarta, malah masyarakat umum yang datang menonton. Penganjur telah menaja lima orang penarinya yang telah sangat membantu dan mempermudah beliau untuk terlibat di Festival tersebut selain tajaan UMS untuk diri beliau.

Festival itu sangat menarik kerana dijayakan sepenuhnya para seniman pilihan yang mewakili Negara masing-masing.

Penampilan setiap Negara sangat unik dan memiliki ciri-ciri khas tradisi masing-masing yang telah diolah dan kembangkan kepada suatu tema yang tetap memegang warna dan nafas tradisinya.

Menurut Suhaimi Magi lagi, beliau merasa beruntung menjadi warga Negara yang di lahirkan di negeri Sabah yang memiliki keunikan gaya bahasa dan berbagai etnik yang menjadi kaya. Membesar dengan keberbagaian kefahaman budaya dan mendapat pendidikan seni di Indonesia menjadikan beliau sangat dan lebih memahami akan tuntutan para seniman yang tari dan masyarakat awam di Indonesia. Sehubungan dengan itulah karya "Apung" di ciptakan khas yang sangat mengangkat kesenian suku kaum di Sabah seperti Sumazau Penampang, Sumayau dan berunsai sebagai rencah koreografinya.

Begitu juga dengan iringan muziknya yang menyelitkan bunyi-bunyi gong, bungkau, sompoton serta puisi dan mantra tradisi yang telah diolah dan diedit sesuai keperluan koreografinya.

Menurut Suhaimi lagi, proses karya tersebut

mengambil masa tiga bulan yang di mulakannya secara improvisasi di studio sebelum menjemput dan memilih beberapa pelajar yang ada di sekitar Kota Kinabalu untuk terlibat di dalam proses tersebut.

Memang awalnya masalah yang timbul adalah kerana semua pelajar sedang bercuti sedangkan proses berkarya perlu dijalankan. Memandangkan waktu yang mendesak beliau telah memproses karya tersebut pagi petang dan malam bagi memastikan karya tersebut berjalan seperti yang diharapkan.

Prosesnya adalah bermula dengan melatih teknik gerak disusuli dengan susunan ragam gerak. Proses yang agak cukup lama adalah penyatuan koreografinya khususnya penghayatan para penarinya.

Hampir tiap hari latihan penghayatan dilatih dan di tekankan agar para

penarinya tidak menjadi robot di atas pentas. Alhamdulillah semuanya berjalan sesuai dengan perancangan, dan para penarinya menurut Suhaimi sangat berdisiplin mengikuti latihan walau pun prosesnya sangat memenatkan.

Sepanjang festival 10 hari mereka tidak sahaja berpeluang menonton berbagai karya-karya tari yang luar biasa, tapi juga dapat berjumpa dan berkenalan dengan



SHUHAIMI bersama penari Jepun.

para seniman tarinya dan berkongsi pengalaman akan peroses penciptaan mereka. Selain itu kesempatan juga di ambil melawat Candi Burubudur, Candi Mendut dan Candi parambanan yang penuh cerita dan ilmu.

Peluang juga di ambil dengan mengikuti kelas di Institut Seni Indonesia dan juga Institut Kesenian Jakarta untuk mendedahkan

Suhaimi sangat berterima kasih kepada UMS khususnya dekan Fakulti yang telah memberikan ruang dan peluang sebesar itu kepada mereka dan banyak perkara yang telah mereka pelajari

yang dapat di terapkan kepada para pelajar seni di UMS.

SALAH satu persembahan tari yang istimewa.



para pelajar UMS akan teknik pembelajaran di kedua Institut.

MEMILIKI keunikan yang tersendiri.